



KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN

SIARAN MEDIA

INISIATIF PROGRESIF MEMACU SEKTOR PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN NEGARA

PUTRAJAYA, 28 JUN 2025 – Mesyuarat Jawatankuasa Kabinet Mengenai Dasar Keterjaminan Makanan Negara (JKKMN) Bilangan 1 Tahun 2025 telah bersidang pada 16 Jun 2025 yang dipengerusikan oleh YAB Dato' Seri Anwar Ibrahim, Perdana Menteri. Mesyuarat memfokuskan kepada inisiatif strategik bagi memperkukuh keterjaminan makanan negara serta merancakkan pertumbuhan sektor pertanian dan agromakanan.

Lanjutan itu, Kerajaan telah bersetuju dengan **pelarasan kadar insentif pembajakan** daripada RM100 per hektar per musim kepada **RM160 per hektar per musim**. Manakala **insentif baharu untuk penuaian** akan diberikan pada kadar **RM50 per hektar per musim** kepada pesawah. Pihak Kerajaan akan memastikan pembayaran insentif ini **selesai sepenuhnya sebelum 31 Julai 2025**.

Pelbagai inisiatif lain turut dibincangkan termasuklah strategi meningkatkan kadar sara diri (SSR) daging lembu/kerbau negara demi kemampanan bekalan makanan negara. Kerajaan juga menyambut baik pembangunan ***Malaysian Food Composition Database (MyFCD)*** sebagai komponen strategik dalam Dasar Keterjaminan Makanan Negara.

Kerajaan juga telah bersetuju secara prinsip dalam meneroka strategi berkesan bagi **mengurangkan kebergantungan import jagung bijian** demi kelangsungan dan pertumbuhan industri. **Selain itu, cadangan pindaan terhadap Akta Perlindungan Varieti Baru Tumbuhan 2004**

(Akta 634) akan dilaksanakan bagi memastikan perlindungan yang lebih komprehensif terhadap varieti tumbuhan baharu.

Perancangan dasar akan terus diperkasakan menerusi **hasil dapatan Laporan Interim Banci Pertanian 2024** dalam memacu pertumbuhan sektor pertanian. Dalam usaha memodenkan sektor pertanian, kerjasama strategik antara KPKM dan Pihak Berkuasa Penerbangan Awam (CAAM) diperkukuhkan menerusi **pengenalan silibus baharu Remote Pilot Certificate Of Competency – Agriculture Light (RCoC-AL)** untuk pengendali persendirian dron / *Unmanned Aircraft System (UAS)*.

KPKM komited untuk terus melakar dasar dan inisiatif yang progresif demi masa depan pertanian dan keterjaminan makanan yang lebih lestari di Malaysia.

YB DATUK SERI HAJI MOHAMAD SABU

Menteri Pertanian Dan Keterjaminan Makanan

